

05 MAR 2000

Umno-Sungai Benut

BAHAGIAN SUNGAI BENUT DAN SEGAMAT CALONKAN DR M DAN PAK LAH

JOHOR BAHRU, 5 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Sungai Benut hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertahankan jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu juga mencalonkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden Umno.

Mesyuarat perwakilan bahagian itu yang berlangsung di Dewan Orang Ramai Simpang Renggam, dekat sini dirasmikan oleh Ketua Bahagian Abdul Hamid Abdul Rahman, yang juga anggota Parlimen kawasan Sungai Benut.

Bagi jawatan naib presiden, bahagian itu mencalonkan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Mereka yang dicalonkan untuk jawatan anggota Majlis Tertinggi (MT) ialah Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Shariff Omar, Datuk Dr Helmi Yahya, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Nazri Aziz, Datuk Suleiman Mohamed, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Adam Hamid;

Datuk Shahrir Samad, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Datuk Mustapa Mohamad, Datuk Zainal Dahlan, Datuk Zainalabidin Mohd Zin, Datuk Salleh Tun Syed Keruak, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Khalid Yunus, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, Datuk Shafie Apdal dan Datuk Aziz Samsuddin.

Sementara itu, Umno Bahagian SEGAMAT yang turut bermesyuarat hari ini juga mencalonkan Dr Mahathir bagi jawatan Presiden dan Abdullah bagi jawatan timbalan presiden.

Tiga nama yang dicalonkan bahagian itu untuk jawatan naib presiden ialah Najib, Abdul Ghani dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Nama-nama yang dicalonkan untuk anggota MT ialah Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Azmi Khalid, Datuk Shahrir Samad, Datuk Paduka Abdul Hamid Othman, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Nazri Aziz, Adam Hamid, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Seri Tajol Rosli, Datuk Dr Helmi Yahya, Datuk Khalid Ynus, Datuk Mustapa Mohamad, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Shahrizat Abdul Jalil;

Datuk Zainalabidin Mohd Zin, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Sharif Omar, Awang Jabar, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Osu Sukam, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Seri Adnan Yaacob dan Datuk Suleiman Mohamed.

-- BERNAMA

MKO NMO